

MAHATHIR 'R' R' R
(1)

DARI EFFENDI ARIFFIN

1984

TORONTO, 13 JAN. (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBERITAHU AHLI-AHLI PERNIAGAAN KANADA BAHAWA MALAYSIA TIDAK BERHASRAT MEMILIK NEGARAKAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA MALAYSIA ADA MEMBELI SYARIKAT-SYARIKAT ASING TETAPI PEMBELIAN ITU ADALAH OXLAKUKAN MENURUT PERATURAN DAN PROSEDUR.

MENGAMBIL SATU CONTOH, BELIAU BERKATA PERMODALAN NASIONAL BERHAD (PNB) TELAH MEMBELI SYARIKAT GUTHRIES KANADA PADA HARGA PASARAN DAN +TIDAK ADA PAKSAAN DILAKUKAN+.

BELIAU MENEMUI 40 ORANG WAKIL BERBAGAI PERNIAGAAN SEJURUS SETELAHTIBA DISINI SEMALAM'DALAM HARI TERAKHIR LAWATAN RASMINYA KE KANADA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA MALAYSIA MEMPUNYAI HAK YANG SAMA DENGAN ORANG LAIN UNTUK MEMBELI SAHAM DIPASARAN SAHAM LUAR NEGERI, SAMADA DI LONDON ATAU NEW YORK.

BELIAU BERKATA BAHAWA MALAYSIA MAHU PELABURAN DARI SEBERAPA BANYAK NECARA YANG BOLEH.--LAGI 1415/PA

ZCZC B560

MAHATHIR 2 TORONTO

+KAMI TIDAK MENGHARAPKAN SEPENUHNYA PADA SEBUAH NEGARA UNTUK PELABURAN,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA PELABURAN JEPUN'DIANGGARKAN KIRA-KIRA 35 PERATUS DARI PELABURAN ASING DI MALAYSIA.

SAMBIL MENYERU SUPAYA PEUABURAN DARI KANAOA DITINGKATKAN, BELIAU BERKATA BAHAWA DASAR MALAYSIA MENGENAI EKSPORT DAN IMPORT ADACAH LIBERAL.

BELIAU JUGA MENJELASKAN KONSEP PENGSWASTAAN YANG MENURUTNYA ADALAH UNTUK MENGURANGKAN PERBELANJAAN KERAJAAN DAN PAPA WAKTU YANG SAMA MELATIH NEREKA YANG BERNIAT DALAM PERNIAGAAN.

+KAMI MAHU RAKYAT MENJADIKAYA SUPAYA DENGAN ITU KAMI BOLEH MENGENAKAN CUKAI KE ATAS MEREKA BAGI MEMBOLEHKAN NEGARA JUGA MENJADI KAYA,+KATANYA MENYEBABKAN PARA HADIRIN KETAWA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH KEMUDIAN MENEMUI TIMBALAN PERDANA MENTERI ONTARIO ENCIK ROBERT WELCH DAN ANGGOTA-ANGGOTA KABINET ONTARIO.

PERDANA MENTERI DAN ROMBONGAN TERDAHULU MELAWAT SEBUAH KILANG LOGAM, ANAK SYARIKAT GUTHRIES KANADA, DI CAMBRIDGE, KIRA-KIRA 100 KM DARI SINI. -- LAGI 1415/MK

ZCZC B561

MAHATHIR 3 TORONTO

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERLEPAS KE NEW YORK HARI INI BAGI MEMULAKAN LAWATAN RASMI LIMA HARI KE AMERIKA SYARIKAT.

ROMBONGANNYA TERMASUK MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK SANUSI JUNID DAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR NEGERI T A N ZAKARIA ALI. -- BERNAMA 1418/MK